

21 JUN 2001

Umno-Bahas

UMNO PERLU TAMPIL SEBAGAI SATU PERGERAKAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Umno mesti tampil sebagai satu pergerakan rakyat bagi memahami dan mendalami segala isu dan tindakan rakyat terutama citarasa generasi muda bagi meneruskan kelangsungan perjuangannya.

Wakil Negeri Sembilan Shaziman Abu Mansor yang membahaskan ucapan dasar presiden parti berkata Umno juga harus mewujudkan gerakan persaudaraan bagi memupuk kasih sayang dan rasa persaudaraan antara anggota parti dan orang Melayu amnya.

Menurut beliau, pada masa yang sama Umno juga perlu memulakan satu revolusi budaya dalam konteks jati diri orang Melayu bagi memastikan parti itu kekal mantap dan menjadi teras perjuangan orang Melayu seperti yang telah dibuktikan lebih 55 tahun ini.

Shaziman, yang juga Anggota Parlimen Tampin berkata elemen-elemen itu penting sebagai strategi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan hampir dua jam bertajuk "Melayu Mudah Lupa" menyentuh pelbagai isu termasuk perpaduan, penguasaan ilmu dan ekonomi, sejarah penjajahan dan politik pembangkang.

Sementara itu wakil Selangor Datuk Mufti Shuib dalam perbahasannya pula berkata anggota parti seharusnya lebih berani mempertahankan parti daripada serangan-serangan musuh sama ada yang datang dari dalam atau luar negara.

"Selama ini setiap kali Umno diserang, dikatakan korup, rasuah, tidak Islam, tidak membantu Melayu, kafir, dan sebagainya, hanya presiden yang menjawab segala persoalan, yang lain semua diam. Kita tidak boleh membiarkan itu terus berlaku," katanya.

Selain itu, Mufti yang juga ketua Umno bahagian Ampang Jaya berkata anggota Umno juga perlu melakukan muhasabah diri bagi memperbetulkan hala tuju perjuangan mereka alam parti itu.

Timbalan Ketua Bahagian Chenderoh Shaarani Abdullah yang mewakili Perak berkata, Lembaga Disiplin tidak harus digunakan oleh anggota parti untuk membalas dendam terhadap anggota lain.

Terdapat anggota parti yang bertindak meneruskan aduan kepada Lembaga Disiplin walaupun lembaga itu telah mendapati anggota berkenaan bebas daripada sebarang kesalahan selepas siasatan.

Sebaliknya kata beliau, sebarang keputusan oleh Lembaga Disiplin harus diterima oleh semua pihak termasuk pengadu walaupun aduan mereka itu telah ditolak.

Sementara itu wakil Wanita Johor Halimah Sadique mendesak kerajaan supaya mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang cuba mencabar hak keistimewaan orang Melayu.

Orang Melayu pula katanya, harus berusaha memahami dengan lebih mendalam akan pengertian hak istimewa itu dan mengapa ia harus dipertahankan.

Wakil Perlis Ismail Kasim pula berkata Umno perlu mewujudkan satu program persediaan mulai sekarang bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, khususnya bagi memenangi semula Kelantan dan Terengganu daripada PAS.

Menurutnya strategi lama mungkin tidak sesuai lagi sebaliknya harus merangka pendekatan baru yang selaras dengan perubahan dan suasana politik masa kini.

Ismail menggesa kepimpinan parti agar mengkaji cara memberi tenaga baru di peringkat akar umbi dan cawangan bagi menarik semula golongan guru yang

satu masa dulu menjadi tulang belakang parti.

Sementara itu wakil dari Kuala Lipis Mustafa Long menggesa pemimpin Umno serta kerajaan supaya tidak terlalu berlembut dengan karenah parti lawan yang sering berselindung di sebalik isu demokrasi dan hak asasi manusia untuk menyebarkan dakwah mereka untuk menentang kerajaan.

Kerajaan telah terlalu banyak memberi ruang kepada pembangkang menyuarakan pandangan mereka sehingga sampai ke tahap mengutuk dan mencaci kerajaan secara terang-terangan melalui akhbar dan majalah yang sewenang-wenangnya diterbitkan dan dijual kepada umum.

Bagaimanapun katanya, pemimpin Umno harus menjadikan tuduhan dan cacian anggota dan pemimpin PAS sebagai satu cabaran untuk berdiri lebih teguh dan membela nasib orang Melayu.

"Ini merupakan perkara biasa kerana setiap perubahan dan pembaharuan yang membawa kepada kebaikan, mesti ada cabarannya," katanya.

-- BERNAMA

WNZ PR